

## Isu ternakan meragut di tanah terbiar dapat perhatian

LITUSAN  
25/5/16

**KUALA LUMPUR 24 Mei** - Isu haiwan ternakan meragut rumput di kawasan tanah tidak diguna pakai Kerajaan Persekutuan sehingga menyebabkan pemilik haiwan itu dikenakan denda mendapat perhatian beberapa ahli Parlimen hari ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojoh (BN-Putatan)** berkata, tanah itu seharusnya digunakan secara optimum, dan sehubungan itu beliau berpendapat peraturan itu seharusnya dilonggarkan.

"Walaupun dalam pindaan itu, setakat binatang meragut pun kena denda. Bayangkan orang kampung masuk sana kena bayar denda. Jadi peraturan ini harus dilonggarkan apabila kawasan-kawasan itu tidak dioptimumkan terutama di kawasan-kawasan yang luas," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2015 di Dewan Rakyat hari ini.

**Dr. Azman Ismail (Kuala Kedah-PPKR)** semasa mencelah perbahasan itu turut mengakui di kawasannya sendiri terdapat tanah kerajaan yang

dipenuhi rumput dan tumbuh-tumbuhan, yang digunakan penduduk kampung untuk menternak kambing.

"Kalau ia dijadikan satu kesalahan, ia akan membebankan rakyat sedangkan pada masa yang sama tidak ada yang ambil tahu tentang semak samun itu. Kalau lembu dan kambing makan di kawasan itu ia

sebenarnya memberi kebaikan," katanya.

**Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut)** yang turut mencelah perbahasan itu berkata tanah yang dibiarkan kosong tanpa dibangunkan sama ada milik Kerajaan Persekutuan, negeri atau agensi kerajaan dikhuatiri mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar.

"Kalau tanah dimiliki penama itu dibiarkan begitu sahaja, penuh hutan atau mungkin menimbulkan bahaya kepada penduduk berhampiran.

"Apabila ada pencerobohan ternakan di kawasan itu, tuan punya kena denda. Bagaimana jika tanah itu tidak diusahakan, setuju atau tidak tindakan perlu dikenakan kepada pemilik tanah?" katanya.



AHMAD NAZLAN IDRIS